

04/04/2000

Pencalonan bukti demokrasi dalam Umno

Kadir Dikoh

MASIH ada suara sumbang mendakwa kononnya demokrasi dalam Umno sudah terhakis. Mereka merujuk kepada syarat bertanding jawatan pucuk pimpinan parti dengan mengenakan peratusan tertentu bagi melayakkan seseorang menjadi calon. Ada yang berpendapat, sistem peratusan itu perlu dimansuhkan dan dikaji semula, sebaliknya dilakukan pertandingan secara terbuka bagi menghapuskan sebarang sekatan. Malah, ada yang menyatakan bahawa peraturan itu tidak perlu dikenakan terhadap calon bagi peringkat jawatan tertentu seperti Naib Presiden bagi menguji kebolehan sebenar mereka sebelum naik ke jawatan nombor dua.

Bagi pengkritik berkenaan, amalan demokrasi akan hanya subur jika tiada sekatan dikenakan terhadap sesiapa saja yang ingin merebut jawatan dalam parti. Berdasarkan peraturan seperti termaktub dalam perlembagaan parti yang diluluskan di perhimpunan agung khas Umno pada 13 Disember 1998, calon Presiden perlu memperoleh pencalonan 30 peratus atau sokongan 50 daripada 165 bahagian manakala calon Timbalan Presiden pula 20 peratus atau sokongan 32 bahagian.

Calon Naib Presiden pula perlukan pencalonan 10 peratus atau sokongan 17 bahagian dan ahli Majlis Tertinggi (MT) lima peratus atau sekurang-kurangnya lapan bahagian. Begitu juga bagi jawatan Ketua Pemuda dan Wanita, memerlukan sokongan 20 peratus (33 bahagian), Naib ketua kedua-dua sayap itu (15 peratus atau sokongan 25 bahagian) manakala jawatan exco pula lima peratus (lapan bahagian).

Pada 1998 juga, 10 undi bonus yang diberi bagi setiap pencalonan bahagian kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden dimansuhkan. Undi akar umbi atau undi bonus diperkenalkan sebelum itu dalam usaha memastikan pencalonan bagi jawatan Presiden dan timbalannya mesti diterjemahkan dalam bentuk undi ketika pemilihan parti.

Ini berikutan apa yang berlaku dalam pemilihan jawatan Presiden pada 1987, calon yang mendapat sebahagian besar pencalonan pada peringkat bahagian mendapat undi yang tidak mencerminkan jumlah pencalonan yang diterima berbanding pencabar. Ia juga bertujuan mengelakkan amalan politik wang yang mana perwakilan mudah terdedah kepada sogokan.

Misalnya, pada pemilihan 1987, Dr Mahathir mendapat 80 peratus pencalonan untuk mempertahankan jawatannya, tetapi hanya menang dengan majoriti 43 undi untuk menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah. Ini bermakna aliran pencalonan tidak mencerminkan pola pengundian di kalangan perwakilan. Oleh itu, undi bonus diperkenalkan ketika itu.

Berdasarkan undi bonus, pencalonan yang dibuat bahagian bagi jawatan Presiden dan timbalannya secara automatik diterjemahkan kepada 10 undi ketika pemilihan sebenar dilakukan. Kemudian, peratus pencalonan diperkenalkan bagi calon yang bertanding dalam usaha membendung pencalonan dari kalangan mereka yang tidak serius menandingi jawatan penting, yang bukan menggambarkan kehendak sebenar ahli peringkat bawahan.

Menjelang pemilihan 11 Mei ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, masing-masing sudah memenangi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tanpa bertanding. Turut menang tanpa bertanding ialah Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang akan disahkan jawatannya pada 10 Mei ini.

Ketiga-tiganya memenangi jawatan masing-masing setelah mengumpul antara 70 hingga 80 peratus pencalonan daripada 165 bahagian. Ini bukan saja menggambarkan kehendak sebenar ahli peringkat bawahan, malah menunjukkan

bahawa pencalonan itu terbuka sama ada pengundian bagi pencalonan berkenaan diadakan secara undi sulit atau mengangkat tangan. Dalam hal ini, sekurang-kurangnya lapan bahagian cuba mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan tertinggi parti tetapi tewas. Beliau hanya memperoleh satu pencalonan iaitu dari bahagian Tanah Merah di Kelantan untuk jawatan Presiden dan dua pencalonan (Tanah Merah dan Pasir Mas) bagi jawatan Timbalan Presiden.

Apabila semua 165 bahagian selesai bermesyuarat Jumaat ini, jumlah pencalonan yang diterima Dr Mahathir dan Abdullah selain Hishammuddin dijangka melebihi 95 peratus.

Persoalannya sekarang, apakah rasional peraturan mensyaratkan jumlah peratusan pencalonan itu sehingga jawatan tinggi dalam parti dimenangi tanpa dicabar meskipun ada nama lain dicalonkan? Apakah benar demokrasi tidak wujud dalam Umno? Mungkinkah peraturan itu sudah tidak relevan pada alaf baru ini dan ketika Umno di ambang peralihan puck pimpinan? Kebiasaannya, Umno meminda perlembagaan dengan memperkenalkan peraturan baru apabila wujud unsur-unsur tidak sihat dalam parti dan ia dibuat atas pertimbangan untuk kepentingan parti, bukan untuk menyelamatkan tokoh tertentu. Hakikatnya, semua pindaan serta peraturan kepada pemilihan itu sudah dipersetujui dalam perhimpunan agung Umno. Ini adalah kehendak ahli sendiri dan sebarang perubahan, perlu dibentang dan dibahaskan di perhimpunan agung parti. Mungkin ini antara agenda dibahaskan di perhimpunan agung selama tiga hari mulai 11 Mei ini.

Untuk itu, perlu diimbang kembali secara ringkas sejarah pemilihan dalam Umno, kaitannya dengan budaya orang Melayu dan mengapa perubahan dilakukan termasuk larangan berkempen. Dahulu, pada era Datuk Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, pemilihan MT diadakan setiap tahun tanpa sebarang masalah. Amalan memilih ahli MT setiap tahun diberhentikan selepas peristiwa 1969. Apabila politik dibenarkan semula, Umno membuat keputusan untuk mengadakan pemilihan MT tiga tahun sekali.

Budaya Melayu lama terus menjadi teras kekuatan Umno. Sementara jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden tidak dicabar sehingga 1972, jawatan Ketua Pemuda dan Ketua Wanita mula dipertandingkan. Sepanjang kepemimpinan Tunku Abdul Rahman, tidak ada cabaran yang serius terhadapnya walaupun pada tahun-tahun akhir kepemimpinan beliau kedengaran pendapat bahawa Tunku sudah lama menjadi Perdana Menteri.

Justeru, barisan kepemimpinan Umno masih tidak retak. Keadaan hampir kembali kepada budaya lama sehinggalah Tun Hussein dicabar oleh ahli biasa, iaitu Suleiman Palestine pada 1970-an bagi jawatan Presiden Umno. Ini bukanlah cabaran getir baginya (credible), namun ia memecahkan tradisi Umno. Selepas itu, agak mudah jawatan Naib Presiden dan juga Timbalan Presiden dipertandingkan.

Tradisi akhirnya hancur apabila buat kali pertama cabaran yang credible untuk jawatan Presiden dibuat pada 1987 dan pertandingan sengit diadakan. "Adat resam, sopan-santun Melayu hapus dengan pertandingan ini (1987). Buat kali pertama wang diguna secara meluas. Kempen yang diadakan tidak lagi terhad. Tuduhan terbuka oleh calon dan penyokong yang memburukkan bukan saja calon tetapi parti dan kerajaan," kata Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agung Umno tahun 1996.

Berikutan itu, Umno mula melarang kempen bagi mengelak pergelutan yang akan memecah-belahkan parti seperti yang berlaku pada 1987. Dalam ucapan yang sama, Dr Mahathir berkata: "Generasi muda akan mewarisi parti. Tetapi biarlah parti yang akan diwarisi ini kukuh dan selamat. Tidak ada guna mewarisi parti yang lumpuh dan tidak bermaya. Seperti kata pepatah Melayu "menang jadi arang, kalah jadi abu."

Menurut kalangan ahli veteran Umno, dahulu ketika Umno mengadakan pemilihan MT setiap tahun, tidak ada masalah menimpa parti. Sebabnya ialah

calon tidak berkempen dan mereka bergantung kepada rekod mereka dalam parti atau dalam Dewan Undangan Negeri. Mungkinkah Umno boleh kembali kepada landasan lama seperti ini dan setiap tokoh yang ingin merebut jawatan tertinggi perlu menunjukkan kebolehan manakala pengundian dalam pemilihan dibuat berdasarkan kecemerlangan seseorang, bukan kerana kempen yang agresif.

Pengundian berdasarkan kecemerlangan itu terhapus dengan sendirinya jika pengundian dibuat secara blok berlaku, iaitu lebih kepada pasukan. Tidak mengapa jika semua atau dua calon dalam pasukan itu sememangnya berkebolehan.

"Kalau setakat menumpang populariti penerajunya, padahnya Umno akan rugi kerana kehilangan tokoh berpotensi. Namun, kali ini amalan berpasukan kurang ketara berbanding "Team Wawasan" sebelum ini. Mungkin pada peringkat pencalonan wujud amalan secara blok bagi jawatan tertentu terutama bagi sayap kedua dalam Umno tetapi diharapkan apabila mengundi nanti, perwakilan perlu menilai kebolehan seseorang," kata seorang ahli exco wanita.

Di atas kertas, mungkin ramai yang bersetuju dengan pendekatan memilih calon berdasarkan kebolehan, tetapi berapa ramai yang mahu mempraktikkannya tanpa kempen keterlaluan. "Seperti juga rasuah. Ada kalangan mengatakan ia jijik tetapi di belakang mereka pula mengamalkannya. Pernah di perhimpunan agung Umno sebelum ini, ahli berucap berapi-api menentang politik wang, tetapi seperti kata orang, cakap tak serupa bikin," kata seorang pemerhati.

Dalam keadaan Umno yang memerlukan kekuatan semula selepas sokongan terhadapnya merosot dalam pilihan raya umum November lalu, kejituan kepemimpinannya tidak harus digugat. Peristiwa 1987 masih segar dalam ingatan sehingga Umno diharamkan pada 1988. Mungkin menyedari hakikat ini, ahli Umno pada peringkat bahagian mengambil keputusan supaya dua jawatan tertinggi tidak ditandingi dengan hanya mencalonkan Dr Mahathir bagi mempertahankan jawatan Presiden dan penyandang Naib Presiden, Abdullah untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Presiden berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada September 1998.

Mungkin ahli Umno juga ingin melihat peralihan kuasa dalam parti tidak seharusnya mencetuskan perpecahan, menyebabkan mereka memberi sokongan padu kepada Abdullah meskipun ada pihak cuba mencalonkan Tengku Razaleigh untuk mencabarnya. Kenyataan Dr Mahathir selepas mengumumkan Kabinet barunya pada 10 Disember lalu bahawa ini adalah penggal terakhirnya menjadi Perdana Menteri dan selang dua minggu kemudian, beliau menyatakan bahawa Abdullah akan menggantikannya selepas beliau mengundur diri, menguatkan lagi kedudukan Timbalan Perdana Menteri yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti.

"Kesannya ialah perebutan sengit akan tercetus bagi perebutan jawatan Naib Presiden bulan depan. Berdasarkan hakikat ini, saya rasa syarat peratusan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden masih relevan dan perlu dikekalkan kerana sebarang perebutan untuk dua jawatan tertinggi parti, agak bahaya dan rapuh kepada perpecahan," kata seorang penganalisis politik di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan.

Sebaliknya kata beliau, jika hendak dikaji semula syarat itu, hendaklah untuk jawatan Naib Presiden kerana pada peringkat ini, populariti, kebolehan dan kebolehan seseorang diuji sebelum melangkah ke kedudukan lebih tinggi. Namun, ada pemerhati berpendapat syarat memerlukan pencalonan 17 bahagian untuk melayakkan seseorang bertanding jawatan Naib Presiden adalah munasabah dan tidak lebih daripada itu.

Demokrasi terlalu bebas boleh memudaratkan. Biarlah kita gunakan demokrasi terkawal untuk memacu kepemimpinan negara dengan lebih teratur dan licin. Kalau kita tidak membuat sekatan atau syarat seperti itu,

sesiapa saja termasuk dalang orang tertentu yang tidak berpuas hati boleh menentang Presiden, Timbalan Presiden atau bagi Naib Presiden, walaupun cuma memperoleh satu pencalonan.

(END)